

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

MB dan Exco Selangor setuju potong gaji

PETALING JAYA, Rabu — Menteri Besar Datuk Haji Ahmad Razali, berkata beliau dan ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri bersetuju pada dasarnya memotong sebahagian dari gaji dan elaun bulanan mereka berikutan kedudukan ekonomi negara yang kurang memuaskan.

Ini adalah sebagai menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam yang mengumumkan pemotongan \$1,000 sebulan dari gaji mereka.

Bagaimanapun, beliau harus berbincang dengan Ahli-ahli Exco Negeri Selangor terlebih dulu sebelum membuat keputusan muktamad," katanya.

Jumlah

Cadangan Perdana Menteri itu, jelasnya, adalah baik dan patut dicontohi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang lain.

"Selangor juga bersetuju dengan langkah tersebut," tambahnya.

Ketika ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat ahli Lembaga Pengarah PKNS di sini, hari ini, beliau belum dapat mengumumkan jumlah pemotongan yang akan dibuat.

"Tunggulah selepas mesyuarat dengan Ahli-ahli Exco Negeri tidak lama lagi. Pemotongan gaji dan elaun saya mungkin berbeza dengan ahli-ahli Exco," ujarnya.

Ketika ditanya jumlah pemotongan yang beliau sanggup sebagai Menteri Besar, Datuk Ahmad Razali berkata:

"Sebagai Menteri Besar, saya sendiri pun tidak tahu jumlah gaji dan elaun yang saya dapat, tapi pada dasarnya saya bersedia memotong sedikit."

No. S

No. P